

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN B. IDRIS**  
**[JERANTUT ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bilangan doktor-doktor di hospital Kerajaan di bandar-bandar kecil seperti di Jerantut sentiasa mencukupi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa ini, Hospital Jerantut dengan kapasiti 77 buah katil mempunyai 11 orang Pegawai Perubatan dan dibantu oleh 94 orang Jururawat dan 21 orang Penolong Pegawai Perubatan serta Pakar Perubatan Pelawat dari Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh. Pada tahun 2013, purata kedatangan pesakit ke Klinik Pakar ialah 7,524 orang sebulan manakala kadar penggunaan katil atau *Bed Occupancy Rate* ialah 56.79%. Buat masa ini, bilangan Pegawai Perubatan adalah memadai bagi beban tugas yang sedia ada. Seजार dengan pertambahan beban tugas serta

perkembangan perkhidmatan kepakaran, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memohon jawatan tambahan dari Agensi Pusat.

Antara langkah-langkah lain yang telah diambil oleh KKM bagi memastikan bilangan Pegawai Perubatan adalah mencukupi di hospital-hospital KKM adalah seperti berikut :

- i. Pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan. Dianggarkan jumlah graduan akan terus bertambah dari tahun ke tahun. Sejak tahun 2001, graduan perubatan yang menjalankan latihan siswazah secara purata adalah 1,020 orang berbanding sekitar 700-800 orang pada tahun-tahun sebelumnya. Manakala, sehingga pada tahun 2013, seramai 4,991 orang graduan perubatan telah dilantik untuk menjalani latihan siswazah. Selepas menamatkan latihan siswazah, pegawai perubatan ini akan ditempatkan di fasiliti KKM di seluruh negara termasuk di Hospital Jerantut;
- ii. Pengambilan Pegawai Perubatan Pakar warganegara asing secara kontrak;
- iii. Pelantikan semula Pegawai Perubatan Pakar Kementerian KKM yang telah bersara secara kontrak; dan
- iv. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional.